



M E M O

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 (59)

TARIKH : 30 Ogos 2010

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 24/2010 KEBENARAN PEKERJAAN LUAR	
DARIPADA : Pengarah CIAST	SALINAN KEPADA :
KEPADA : Semua Kakitangan CIAST MELALUI : KB / KP	KP JPK TP PP TP PL

1. TUJUAN

Memaklumkan mengenai peraturan larangan pekerjaan luar tanpa kebenaran ketua jabatan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993] telah menggariskan peraturan berhubung pelaksanaan pekerjaan luar oleh pegawai awam.
- 2.2 Pengurusan CIAST mendapati masih terdapat kakitangan CIAST yang kurang memahami dan tidak mematuhi peraturan berkenaan.

3. ARAHAN

- 3.1 Seseorang pegawai awam tidak boleh;
 - a. Mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan apa-apa pengusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;
 - b. Bekerja bagi mendapatkan upah dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian;
 - c. Sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau keterangan, samada secara percuma atau dibayar upah; atau

- d. Bertugas sebagai seorang wasi (pemegang amanah), pentadbir atau penerima harta.
- 3.2 Walaupun demikian, seseorang pegawai boleh menjalankan tugas luar seperti dinyatakan di para 3.1 setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan tertakluk kepada syarat-syarat berikut;
- a. Pekerjaan luar tersebut tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki melakukan tugas rasmi;
 - b. Tidak akan menjelaskan prestasi pegawai itu sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam; dan
 - c. Tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam atau tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai pegawai perkhidmatan awam.
- 3.3 Seseorang pegawai boleh menjalankan tugas luar berkaitan dengan kepakarannya setakat mana yang dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian dalam perjalanan tugas. Segala jumlah wang yang diterima oleh pegawai berkenaan hendaklah didepositkan kepada Perbendaharaan Persekutuan sementara menunggu keputusan Perbendaharaan tentang amaun, jika ada, yang boleh disimpan oleh pegawai itu sendiri.
- 3.4 Seseorang pegawai yang ingin menjalankan tugas luar seperti yang dinyatakan diatas hendaklah memohon kebenaran secara bertulis kepada Pengarah dengan mengemukakan butiran lengkap sebelum menjalankan tugas luar berkenaan. Kegagalan pegawai untuk mendapat kebenaran terlebih dahulu sebelum melakukan pekerjaan luar boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 3.5 Kebenaran kerja luar yang telah diberi boleh ditarik balik oleh Ketua Jabatan pada bila-bila masa sekiranya pegawai didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di dalam para 3.2.
4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan diatas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi"



(GHAZLAN BIN GHAZALI)